

THE TITAN

19 JUN 2022 | BIL: 12
www.richworks.com

RICHWORKS™

Di Sini Lahirnya
Usahawan Jutaan

Industry View
**INDUSTRI
BERASASKAN
KAYU DAN
PERABOT**

ELLA FURNITURE

PERABOT PREMIUM HARGA BERPATUTAN

TITANIUM



PECAH MONOPOLI BINA EMPAYAR PERABOT

CABAR DIRI BERJAYA SEPERTI AYAH

Pengasas Ella Furniture memiliki ijazah sarjana muda dan sarjana dalam bidang kejuruteraan.

“Saya belajar dalam bidang kejuruteraan, tapi saya tak nampak masa depan saya bekerja dengan orang. Ayah saya sebenarnya seorang usahawan yang berjaya semasa zamannya.

“Jadi, apabila melihat ayah berjaya dengan perniagaannya daripada situ saya cabar diri saya. Saya mahu buktikan bahawa saya juga boleh berjaya seperti ayah saya,” jelas Nur Laila Alway.

Bagaimanapun, hasratnya untuk berniaga di peringkat awal mendapat respon negatif daripada orang sekelilingnya.

Menurutnya, ada yang berkata tidak guna memiliki Ijazah sarjana jika digunakan untuk

berniaga sesuatu masih belum pasti boleh mendatangkan keuntungan atau tidak.

MODAL HASIL PERNIAGAAN KOSMETIK

Bermodalkan RM30, 000 hasil perniagaan kosmetik secara dalam talian pada 2018, Nur Laila memulakan perniagaan perabot.

Hasil pendapatan menjual barang kosmetik dari Korea itu sekitar RM5, 000 hingga RM6, 000 sebulan.

Pada peringkat awal, Nur Laila masih menjalankan dropship dan perniagaan perabot.

Namun, pada satu tahap, beliau mengambil keputusan untuk meninggalkan dropship dan fokus kepada sofa.



Menceritakan pembabitannya dalam perusahaan perabot, ibu dua anak ini berkata Ella Furniture lahir sewaktu beliau mahu membeli sofa.

“Saya jumpa orang boleh buat sofa, saya bekerjasama dengan tukang perabot itu. Saya beli peralatan dan buat marketing,” katanya.

JENAMA PERABOT ANAK MELAYU

Hasil pemerhatian Nur Laila, permintaan perabot di kalangan orang Melayu adalah besar.

“Ada pelanggan tanya, betul-betul Melayu buat ke? Ok, saya beli dengan awak, nak support. Saya rasa belum ada lagi orang Melayu bangunkan jenama perabot.

“Sebab tu saya rasa kena buat sesuatu. Ada jenama daripada orang Melayu. Kenapa tak boleh buat? Saya nak cuba, boleh tak jenama perabot ini naik dan pergi jauh,” jelasnya.

Pada masa sama, Nur Laila juga mengkaji trend rakyat Malaysia yang membeli produk luar negara seperti dari China secara atas talian.

DARI BENGKEL KE KILANG

Pada peringkat awal sofa premium dihasilkan di bengkel kecil berkeluasan 20 X 40 kaki dan dijual secara atas talian, kini Ella Furniture memiliki kilang dan gudang.

“Mula-mula saya skeptikal juga, boleh ke tak ada bilik pameran jual sofa premium. Nak suruh orang datang kilang saya yang kecil dulu memang tak padan. Ella Furniture beli online, jika ada sebarang kerosakan kita di Malaysia berbanding belian secara atas talian dari negara lain.

“Saya fikir balik, banyak pelanggan beli barang dari China. Beli sofa dari china, kenapa barang China orang boleh beli, barang tempatan orang tak beli. Banyak Instagram jual barang dari China kan. Daripada situ saya ambil peluang, jual barang Malaysia yang dari kilang saya sendiri.



“

“RICHWORKS BUKAN AJAR PERLU ADA DUIT BANYAK DULU, RICHWORKS AJAR BERMULA DENGAN APA YANG ADA DI TANGAN. KITA MULA DARIPADA KOSONG SEHINGGA CAPAI JUALAN LEBIH BANYAK.”

“Sekarang 95 peratus tempahan dan jualan diterima menerusi dalam talian dan saya terharu kerana produk dihasilkan turut dibeli pelanggan di Australia, Brunei dan Singapura,” jelasnya lagi.

Setakat ini, Ella Furniture menerima purata 300 pelanggan setiap hari yang berminat dengan perabot keluarannya.

Sehubungan itu, Nur Laila merancang membuka satu pusat pameran serba lengkap serta selesa untuk dikunjungi orang ramai, sama seperti konsep diketengahkan IKEA atau SSF.

THE REAL RESULTS

Beliau yang memulakan Ella Furniture pada 2019, memilih untuk mendapatkan latihan dan bimbingan dari RichWork yang mempunyai banyak proven results dalam Mentorship SPIRE pada Mei 2020.

Dalam tempoh sekitar 6 bulan, Nur Laila layak

dan memohon untuk menyertai Titanium Circle.

Nur Laila menyifatkan ilmu perniagaan di RichWorks adalah ilmu perniagaan the real results.

“RichWorks bukan ajar perlu ada duit banyak dulu, RichWorks ajar bermula dengan apa yang ada di tangan. Kita mula daripada kosong sehingga capai jualan lebih banyak,” jelasnya.

“Dengan tunjuk ajar Dr Azizan, saya buat live hari-hari di media sosial, supaya dapat menarik minat bakal pelanggan dan mereka ingat jenama Ella Furniture,” katanya.

Tambah Nur Laila, dalam era digitalisasi perniagaan berkembang dengan lebih cepat, tanpa ilmu bangsa usahawan akan ketinggalan dan sukar bersaing.

“Kita juga perlu belajar dengan orang yang dah buat bisnes. Ikut orang yang dah berjaya buat bisnes supaya tak langgar dinding. Kita kena



belajar daripada kesalahan orang lain," katanya lagi.

Menurut Nur Laila, belajar berniaga daripada bangsa usahawan yang telah berjaya dalam perniagaan adalah kunci kejayaan mengendalikan perniagaan perusahaan perabot jenama Ella Furniture.

LARIS SEWAKTU PKP

Sektor berasaskan sekuriti makanan dan kesihatan antara yang mendapat tempat sewaktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Bagaimana pula dengan perusahaan perabot? Sewaktu PKP, jualan perabotnya semakin laris dan membina jenama.

"Live saya masih buat hari-hari. Hampir setiap hari kita buat live. Live merupakan strategi yang saya gunakan sehingga hari ini.

"Kemudian saya kongsi results dengan tunjuk perabot Ella Furniture di rumah pelanggan. Satu hari tiga hingga empat rumah pelanggan dikongsi. Ini buat pelanggan jadi yakin," jelasnya.



PENCAPAIAN

Pada 2020 Nur Laila berjaya meraih jualan RM1.8 juta berbanding RM60,000 pada 2019. Jumlah tersebut merupakan RM1 juta pertama yang dicatat syarikatnya.

Jualan terus meningkat kepada RM 9.1 juta pada tahun berikutnya.

Kini Ella Furniture memiliki 5 kilang serta 5 gudang dengan 70 orang pekerja.

Ella Furniture turut menerima anugerah Bumiputera Best Brand Award kategori perusahaan perabot.

Ella Furniture juga merupakan jenama pilihan artis popular tanah air seperti Datuk AC Mizal, Rozita Che Wan, Mawar Rashid, Hannah Delisha dan Fasha Sandha.

4

NASIHAT PENGASAS ELLA FURNITURE

PERTAMA, macam mana luar biasa pun sesuatu impian itu, ia tetap boleh dicapai jika ada ilmu, kesungguhan dan kecekalan.

KEDUA, fokus pada penyelesaian bukan masalah.

Kesilapan ramai orang cuba fokus pada masalah, fokus pada penyelesaian dan strategi adalah rahsia memastikan Ella Furniture kekal 'relevan' walaupun pada waktu sukar sebelum ini dan ketika ini.

KETIGA, belajar daripada orang yang dah berjaya buat bisnes.

Kita juga perlu belajar dengan orang yang dah buat bisnes. Follow orang yang dah berjaya buat bisnes. Jadi kita tak langgar dinding. Kita kena belajar dari kesalahan orang lain.

KEEMPAT, berniaga mesti ada mentor.

"HENDAK BERNIAGA JUGA MESTI KENA ADA MENTOR TERUTAMANYA KALAU HENDAK CEPAT NAIK. MENTOR INI MACAM SOP (PROSEDUR OPERASI STANDARD) UNTUK ANDA CAPAI KEUNTUNGAN RM1 JUTA," KATANYA. 📌





NAKURUS BISNES

25-26 Jun 2022
PLATFORM **zoom**

BONUS
Sesi Bootcamp 6X



NASRUL HADI
FCMA, CGMA, C.A.(M)

IS BACK!

APA YANG AKAN DIPELAJARI

- Kaedah Bina Displin Urus Duit
- Urus Duit Bisnes Dengan Betul
- Cara Elak Bisnes Terus Rugi
- Formula Urus Gaji Untuk Pemilik Bisnes dan Staff
- Langkah Kurangkan Rasa Takut Urus Cukai

DAFTAR SEKARANG!
www.nakurusbisnes.com

INDUSTRI berasaskan

KAYU

&

PERABOT

MALAYSIA PENGEKSORT PERABOT KAYU TERKEMUKA

Malaysia merupakan pemain penting dalam pasaran antarabangsa untuk produk kayu dan kayu tropika serta pengeksport perabot kayu terkemuka di dunia.

Sejak 20 tahun lalu, industri berasaskan kayu Malaysia menjadi salah satu penyumbang pendapatan utama kepada pertumbuhan ekonomi negara, merangkumi pengeluaran kayu gergaji, venir, produk panel (papan lapis, papan partikel, papan serpai dan papan gentian), pengacuan, tukang kayu dan pertukangan kayu (BJC) serta komponen perabot dan perabot.

REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI MODEN

Industri perlu memanfaatkan teknologi baharu dan canggih untuk meningkatkan kedudukan eksportnya.

Teknologi juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing tak mahir.

Ini dapat dicapai dengan mengenal pasti dan memanfaatkan keuntungan inovasi melalui penggalakan industri berintensifkan pengetahuan, kemajuan teknikal dan inisiatif reka bentuk serta pembangunan.

Malaysian Investment Development Authority (MIDA) mendorong pemain industri untuk menumpukan perhatian pada kreativiti dan inovasi dalam proses pengeluaran mereka.

INDUSTRI KAYU NEGARA

Industri perakayuan berkait rapat dengan pembuatan perabot yang berpotensi mendatangkan keuntungan berlipat ganda kepada usahawan di negara ini.

**PANDANGAN
SEGELINTIR
MASYARAKAT
BERPENDAPAT
'BUDAK KAYU' TIADA
PELUANG KERJA
SEBAIK TAMAT
PENGAJIAN ANTARA
YANG MENYEBABKAN
KURSUS INI KURANG
DIGEMARI. HAMPIR 80
PERATUS PENUNTUT
YANG MENGIKUTI
PROGRAM INI PULA
ADALAH KURSUS
BUKAN PILIHAN.**

Bagaimanapun, pembabitan belia khususnya dalam bidang berkenaan tidak begitu menggalakkan kerana kurang diberi pendedahan.

Berbicara berkenaan kerjaya dalam bidang itu, sudah pasti gambaran pertama ialah bengkel dipenuhi dengan papan dan habuk.

Suasana kerja yang kurang selesa dengan bunyi bising daripada mesin kayu menjadi punca sebahagian golongan muda tidak berminat.

Ditambah pula profesionnya dianggap kelas kedua oleh segelintir masyarakat yang berpendapat bekerja di sektor itu tidak perlu mempunyai kelulusan akademik tinggi.

Menurut Pensyarah Program Teknologi Berasaskan Kayu Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) Shah Alam, Nurin Hafilah Hamzah, industri

perkayuan kini tidak seperti suatu ketika dulu kerana kebanyakan kemahiran yang diterapkan berasaskan teknologi moden.

Tambahnya, industri perkayuan dan perabot terus menerus memberi sumbangan terbesar kepada pembangunan serta kemajuan sosioekonomi negara.

Permintaan perabot dan produk kayu tetap meningkat dan industri berkenaan memerlukan lebih ramai tenaga mahir bagi memastikannya terus berkembang.

Namun, ramai dalam kalangan masyarakat tidak menyedari potensi industri perkayuan masih luas dan besar

Ia terbukti melalui kemasukan ke PSA apabila jumlah penuntut yang memilih untuk mengikuti kursus perkayuan masih kecil berbanding kursus lain.

Pandangan segelintir masyarakat berpendapat 'budak kayu' tiada peluang kerja sebaik tamat pengajian antara yang menyebabkan kursus ini kurang digemari. Hampir 80 peratus penuntut yang mengikuti program ini pula adalah kursus bukan pilihan.

SOKONGAN KERAJAAN

Pengilang Malaysia mula meningkatkan perbelanjaan modal bagi pelaburan teknologi walaupun melibatkan kos yang tinggi.

Beberapa insentif yang tersedia untuk syarikat dalam industri ini termasuk:

- a) Dana Intervensi Industri4WRD
- b) Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF)



- c) Elaun Modal Automasi (ACA)

Sementara itu, di bawah Akta Penggalakan Pelaburan (PIA) 1986, insentif yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- a) Taraf Perintis (PS) dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun selama 5 tahun, ATAU
- b) Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang memenuhi syarat yang dibelanjakan dalam jangka masa 5 tahun. Elaun tersebut boleh ditolak daripada 70%



KETERSEDIAAN DAN KEUPAYAAN BAKAT

Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) menubuhkan Pusat Pengembangan Kemahiran Industri Kayu (WISDEC) untuk melahirkan lebih ramai bakat yang boleh memenuhi industri yang pakar dalam pembuatan kayu, pertukangan dan reka bentuk perabot.

Institusi latihan ini bekerjasama dengan institusi Technical and Vocational Education and Training (TVET), agensi kerajaan atau kementerian dan pusat latihan lain untuk menjalankan latihan teknikal serta memudahkan pengembangan produk.

Ia juga diberi mandat untuk menyelaraskan Pertandingan Kemahiran Malaysia (CPM).

Sementara itu, institusi pengajian tinggi awam seperti Universiti Malaysia Sabah menawarkan program Teknologi dan Industri Kayu.

Program itu merangkumi pengetahuan asas mengenai kayu, pengenalan kayu komersial, teknologi dan teknik pemprosesan, pengurusan dan pemasaran.

Selain itu, program ini memberi tumpuan kepada industri pemprosesan hulu dan hiliran untuk menghasilkan produk kayu seperti kertas, papan gentian, papan partikel dan papan lapis.

Program ini juga akan memberi tumpuan kepada teknologi dan kaedah untuk meningkatkan kualiti kayu yang berkaitan dengan pengeringan serta pemeliharaan kayu.

Bagi yang berminat mahu meneroka industri ini, untuk maklumat lanjut anda boleh ke laman rasmi sesawang <https://www.mida.gov.my> 📍


pendapatan berkanun pada tahun taksiran.

Syarikat dalam industri ini juga layak mendapat Insentif Pelaburan Semula di bawah PIA 1986:

- a) Taraf Perintis (PS) dengan pengecualian cukai pendapatan sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun selama 5 tahun, ATAU
- b) Elaun Cukai Pelaburan (ITA) sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang memenuhi syarat yang dibelanjakan dalam jangka masa 5 tahun. Elaun tersebut boleh ditolak daripada 70% pendapatan berkanun pada tahun taksiran.



RICHWORKS SIGNATURE PROGRAM



BUSINESS METAMORPHOSIS BOOTCAMP

BUSINESS | MARKETING | LEADERSHIP

**Formula Proven Success Results Hasil Bimbingan
RichWorks Mentorship Telah Berjaya Lahirkan Lebih
350 Usahawan Jutaan Pada Tahun 2020-2021.**


Program ini bukan untuk semua orang. Hanya untuk mereka yang ada perniagaan dan betul-betul serius nak dibimbing bina bisnes untuk capai matlamat nak Grow bisnes dalam tempoh masa 6-24 bulan.

5-7 OGOS 2022

DAFTAR SEKARANG!

richworks.com/bmb

Eksklusif & Terhad!



SOLUSI BISNES & PEMASARAN DIGITAL

Panduan & strategi yang **PROVEN** diguna pakai ketika krisis dan cabaran pada 2020 & 2021.

Ia boleh digunakan bagi bangsa usahawan untuk berdepan pelbagai cabaran hingga mampu **BANGKIT** semula.

Bukan sekadar teori, tetapi praktikal sebenar dilakukan di lapangan.

REAL PEOPLE, REAL BUSINESS, REAL RESULTS!

Hanya **10,000** naskah buku ini yang merupakan **HADIAH** dari Mentor Usahawan, Datuk Wira Dr Azizan Osman buat bangsa usahawan.

Kini hanya berbaki **1,500** lagi naskah untuk anda dapatkannya secara percuma selagi stok masih ada!

~~Harga Asal RM99.90 + Caj Penghantaran~~
~~Harga Promosi RM49.90 + Caj Penghantaran~~
KINI ---> PERCUMA + Caj Penghantaran



E-MAGAZINE
UNTUK
BANGSA
USAHAWAN

RICHWORKS™

THE
TITAN

PENAFIAN : NASIHAT YANG DIBERIKAN
DALAM MAJALAH INI MERUPAKAN NASIHAT
SECARA AM. IA DISEDIAKAN TANPA
MENGAMBIL KIRA OBJEKTIF, SITUASI
KEWANGAN ATAU KEPERLUAN ANDA.
SEBELUM MELAKUKAN TINDAKAN, ANDA
PERLU MENILAI KESESUAIAN NASIHAT
DIBERIKAN MENGIKUT SITUASI
& KEPERLUAN MASING-MASING.